

PENGALAMAN SAYA DISERANG EPILEPSI

Oleh: Siti Nurul Shakirin binti Shaharim, 1171834,
Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 28 July 2020



Saya ingin berkongsi tentang pengalaman diuji dengan penyakit yang saya sendiri kurang jelas mengenainya pada waktu itu. Penyakit ini dinamakan epilepsi.

Sehari selepas menerima keputusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), saya diserang epilepsi untuk kali pertama ketika sedang tidur.

Pada mulanya, saya hanya mengalami kekejangan otot yang teruk semasa sedang tidur dan dalam keadaan saya sendiri tidak sedar.

Mujurlah keadaan saya ketika itu disedari oleh adik saya dan dia bergegas memberitahu ibu bapa saya.

Lama-kelamaan, penyakit tersebut semakin teruk kerana selain kekejangan otot, saya juga mengalami kancing gigi dan mulut berbuih. Masalah ini juga semakin kerap berlaku setiap sebulan.

Pada 11 Februari 2017, kira-kira pukul 3.30 pagi, saya dimasukkan ke wad kecemasan Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) dan disahkan menghidap penyakit epilepsi.

Epilepsi atau lebih dikenali sebagai sawan ditakrifkan sebagai gangguan sistem sel-sel saraf pada bahagian otak.

Otak tidak dapat berfungsi dengan baik disebabkan oleh gangguan dalam masa yang singkat dan mengakibatkan serangan epilepsi terhadap pesakit.

Menurut portal MyHealth, Pakar Perubatan Neurologi, Dr. Gunasundari Pushparasah menyatakan bahawa antara punca-punca epilepsi adalah faktor-faktor genetik, kecederaan pranatal dan masalah tumbesaran, kecederaan pada otak, keracunan, tumor otak, pengambilan alkohol berlebihan, penyakit Alzheimer, angin ahmar dan jangkitan otak.

Beliau turut menjelaskan, sebahagian besar sawan tidak diketahui puncanya. Serangan sawan juga boleh berlaku jika kurang tidur, stres atau mengalami perubahan hormon yang berkaitan dengan haid.

Punca saya diserang penyakit epilepsi masih tidak diketahui sehingga sekarang walaupun saya sudah menjalani pelbagai ujian diagnosis seperti elektroensefalogram (EEG), imbasan tomografi berkomputer (CT Scan) dan pengimejan resonans magnetik (MRI).

Sejak itu, kehidupan saya berubah. Saya mengambil sejenis ubat epilepsi, karbamazepina 200mg atas saranan doktor. Saya masih menelan ubat tersebut untuk mencegah dan merawat penyakit epilepsi ini sehingga sekarang.

Menurut portal MyHealth, Pakar Perubatan Keluarga, Dr. Norizzati Bukhary menyatakan bahawa epilepsi atau sawan boleh dikawal dengan ubat-ubatan.

“Dengan pengambilan ubat-ubatan yang betul dan mengikut arahan, kebanyakan serangan epilepsi boleh dikawal dan pesakit boleh menjalani kehidupan yang normal, berkahwin serta mempunyai anak yang sihat,” katanya lagi.

Kini, saya bersyukur kepada Allah SWT kerana sudah lebih tiga tahun saya tidak lagi diserang penyakit ini.

Pengalaman lima bulan menanggung situasi yang bercelaru, fizikal yang lemah dan lesu, emosi yang tidak keruan dan saya hampir dilarang oleh ibu bapa saya untuk menyambung pengajian di universiti kerana risau tentang keadaan saya yang agak tidak stabil.

Namun, April 2017 adalah bulan terakhir saya diserang penyakit ini dan saya berhasil meyakinkan ibu bapa saya untuk menyambung pengajian di universiti.

